

GEMPA BUMI

Kerajaan arah mangsa gempa diberi bantuan

Kota Kinabalu: Datuk Seri Najib Razak berharap semua pihak yang berada di kawasan terjejas akibat gempa bumi di Ranau, malam kelmarin, mengambil langkah berjaga-jaga.

Perdana Menteri menerusi laman *Twitter* beliau, turut memberi jaminan kerajaan akan memastikan bantuan sentiasa tersedia un-

tuk mereka yang terbabit dengan bencana.

Ambil langkah berjaga-jaga

"Terima berita gempa bumi di Ranau, saya dimaklumkan setakat ini tiada kecederaan.

"Saya harap semua di kawasan terkesan ambil langkah berjaga-jaga.

"Kerajaan akan pastikan bantuan sentiasa tersedia," katanya.

Gempa bumi berukuran 5.2 dengan kedalaman 5 kilometer berlaku di Ranau, kelmarin.

Jabatan Meteorologi menerusi kenyataan berkata, gegaran berpusat di lokasi 6.1 Utara 116.6 Timur, kira-kira 16 kilometer barat laut Ranau pada jam 9.06 malam.

Mohd Najib Tun Razak

Follow

Terima berita gempa bumi di Ranau, saya dimaklumkan setakat ini tiada laporan kecederaan. Saya harap semua di kawasan terkesan ambil langkah berjaga-jaga. Kerajaan akan pastikan bantuan sentiasa tersedia.

577 Retweet 1,131 Like

45 577 1.1K

Twitter Najib semalam, mengenai kejadian gempa bumi di Ranau.



Berdasarkan tinjauan yang dilakukan mereka didapati tiada kerosakan besar, hanya kerosakan kecil dan ia sudah dibaiki"

Masidi Manjun,

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah



Ketika kejadian, seramai 239 individu berada di Gunung Kinabalu. Semua selamat tiba secara berperingkat hingga 4.30 pagi"

Khairul Azuwan Ibrahim,

Penolong Pengarah Operasi JBPM Sabah



Sangat menakutkan apabila semua penghuni di penginapan Laban Rata berlari keluar dari bangunan. Tiba-tiba katil bergegar"

Hugo Rolland,

Warga Perancis

Laluan Gunung Kinabalu dibuka semula

➔ Pasukan peninjau sahkan tiada kerosakan besar, penginapan selamat diguna

Oleh Mohd Izham Unnif Abdullah dan Junaidi Ladjana
cnews@nstp.com.my

Kota Kinabalu

Laluan pendakian ke puncak Gunung Kinabalu yang ditutup semalam, berikutan gempa bumi berukuran 5.2 skala Richter malam kelmarin, akan dibuka semula hari ini.

Perkara itu diumumkan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun, berdasarkan keadaan laluan itu yang didapati selamat di-

gunakan selepas pemeriksaan, semalam.

"Satu pasukan peninjau seramai 47 orang selesai membuat pemeriksaan bermula dari Pondok Timponon (permulaan pendakian) hingga ke puncak Low (Kilometer 8.72). Berdasarkan tinjauan yang dilakukan mereka didapati tiada kerosakan besar, hanya kerosakan kecil dan ia sudah dibaiki.

Laluan pendakian selamat

"Laluan pendakian gunung selamat untuk digunakan, manakala bangunan penginapan di Panalaban tidak terjejas.

"Selepas perbincangan teliti dan muafakat antara pihak terbabit dalam tinjauan itu, semua sebulat suara mengesyorkan kepada saya untuk mengisytiharkan laluan pendakian selamat digunakan dan dibuka semula kepada orang ramai mulai esok (hari ini)," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Pasukan tinjauan itu, katanya, terdiri daripada anggota Taman Taman Sabah (TTS), malim gu-



(FOTO LANO LAN/BH)

Aktiviti harian penduduk di Pekan Kundasang, Kota Kinabalu berjalan seperti biasa semalam, selepas dilanda gempa bumi.

nung, Pasukan Mencari dan Menyelamat Gunung (MOSAR), porter dan kakitangan Sabah Sanctuary Lodge (SSL) serta Mountain Torq.

Beliau berkata, Pengarah TTS, Dr Jamili Nais, bersama sembilan kakitangan TTS, MOSAR dan SSL akan bermalam di Panalaban, sebagai langkah tambahan memastikan keadaan kembali selamat dan larangan sementara mendaki Gunung Kinabalu boleh ditarik balik semula esok.

Terdahulu, seramai 130 pendaki di Gunung Kinabalu yang dibawa turun susulan gempa bumi malam kelmarin, tiba di Pondok Timponon pada jam 4.30 pagi, semalam.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Khairul Azuwan Ibrahim, berkata ketika kejadian, seramai 239 individu berada di Gunung Kinabalu.

"Semua selamat tiba secara berperingkat dari jam 11.30 malam hingga 4.30 pagi," katanya.

Menurut Khairul Azuwan, operasi SAR membabitkan 76 orang

pelbagai agensi antaranya bomba termasuk Pasukan Khas Taktikal Operasi Menyelamat Malaysia (STORM), MOSAR, polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Kementerian Kesihatan dan kakitangan TTS.

Insiden tidak patah semangat

Sementara itu, seorang pendaki, Rosmawati Mohamed Din, 37, walaupun kecewa selepas misi pendakian dibatalkan, ia tidak mematahkan semangatnya untuk menunggu giliran baharu yang dijangka hanya dapat diperoleh tahun depan.

Dia bersama rombongan 12 pendaki yang tiba dari Kuala Lumpur terpaksa akur selepas pihak berkuasa menghentikan aktiviti pendakian sementara waktu, susulan gempa bumi bermagnitud 5.2 berpusat di Ranau, malam tadi.

"Ketika itu, kami sudah maklum menerusi laporan berita bahawa aktiviti pendakian di Gunung Kinabalu dihentikan serta-merta.

"Memang kecewa selepas segala

persiapan disediakan. Tambahan pula ini kali pertama saya sepatutnya mendaki gunung," katanya ketika ditemui di pekarangan Taman Kinabalu, semalam.

Bagi seorang remaja warga Perancis, Hugo Rolland, 15, kejadian gempa bumi itu sangat menakutkan kerana ketika itu dia dan rakan-rakannya sedang tidur sebelum meneruskan pendakian ke puncak Gunung Kinabalu.

"Sangat menakutkan apabila semua penghuni di penginapan Laban Rata berlari keluar dari bangunan.

"Tiba-tiba katil bergegar menyebabkan kami berempap keluar. Saya hanya menyedari berlaku gempa bumi selepas selamat keluar dari penginapan.

"Situasi begini tidak biasa berlaku. Kami ke sini untuk bercuti, dan syukur semua selamat," katanya.

Untuk video layari www.bharian.com.my